



ASEAN YOUNG WRITERS AWARD 2014



Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Sekretariat Tetap pemilihan calon penerima ASEAN Young Writers Award di Malaysia mempelawa penulis muda menyertai Sayembara Penulisan Cerpen Penulis Muda Asia Tenggara 2014 untuk dipertimbangkan sebagai calon penerima **ASEAN Young Writers 2014**. ASEAN Young Writers Award adalah satu pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Thailand kepada penulis muda negara Asia Tenggara yang berbakat besar dalam bidang penulisan.

KATEGORI:

- A. Bahasa Melayu
- B. Bahasa Inggeris

SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

- i. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur antara 15-24 tahun.
- ii. Karya hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dan/atau bahasa Inggeris tidak melebihi 3,000 patah perkataan atau 10 halaman bertaip (kertas saiz A4). Karya hendaklah ditaip jarak langkau dua baris, menggunakan kertas saiz A4 (kuarto) dan saiz taip 16, jenis huruf Cordia New.
- iii. Karya mestilah ciptaan asli dan isi kandungan karya perlu berkaitan isu kritikan sosial yang membina.
- iv. Karya mestilah karya asli dan bukan terjemahan atau adaptasi daripada mana-mana karya.
- v. Karya yang dihantar mestilah belum pernah menyertai mana-mana pertandingan atau memenangi hadiah.
- vi. Peserta dibenarkan menghantar karya dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tetapi karya tersebut mesti berbeza dari segi isi kandungan.
- vii. Karya mestilah diserahkan dalam bentuk salinan cetak dalam format dokumen mudah alih (PDF) sama ada dalam cakera padat atau cakera video digital bersama-sama borang penyertaan dan salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan.

HADIAH

- i. Piala
- ii. Wang Tunai US\$1,000
- iii. Pakej Perjalanan berupa tiket penerbangan dan penginapan untuk menghadiri Majlis Pengurniaan ASEAN Young Writers Award 2014 di Thailand.
- iv. Karya penerima akan disiarkan dan dipromosi oleh media massa.

PENYERTAAN

Semua penyertaan hendaklah dialamatkan kepada:

Sekretariat Tetap ASEAN Young Writers Award (Malaysia)
Bahagian Promosi dan Pengiktirafan,
Aras 25 Menara DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-21479123 Faks: 03-21479610
E-mel: seawriteawards@dbp.gov.my

*(Borang penyertaan boleh diperolehi dengan melayari laman web:
www.dbp.gov.my)*

Tarikh tutup pencalonan : 21 Julai 2014